

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HSC 332 - Pembaharuan dan Revolusi di China Moden

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejauh manakah kebangkitan Muslim 1855-1878 berbeza daripada Kebangkitan-kebangkitan Taiping (1850-1864) dan Nien (1851-1868).
2. "Sungguhpun daripada segi ketenteraan Gerakan Memperkuatkan Diri (1861-1895) gagal mencapai matlamatnya, ia tidaklah boleh dianggap sebagai suatu kegagalan semata-mata." Bincangkan.
3. "Dalam perkembangan sejarahnya dalam abad ke-19 dan ke-20 China mendapati Jepun bukan sahaja musuhnya tetapi juga gurunya." Dengan mengemukakan contoh-contoh bincangkan pandangan ini dengan merujuk kepada China antara 1870 hingga 1925.
4. "Seandainya Ch'ing itu wangsa pimpinan orang Han ia tentu tidak akan ditentang oleh orang-orang China dan dengan demikian pasti tidak tumbang pada 1912." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
5. Dengan secara padat tetapi jelas buat suatu analisis secara bandingan tentang Pembaharuan Seratus Hari (1898) dan Pergerakan Empat Mei (1916-23).

.../2

6. Selain daripada masalah serangan Jepun apakah masalah-masalah besar lain yang dihadapi kerajaan KMT antara tahun-tahun 1928-49? Sejauh manakah masalah-masalah dalaman ini menjadi punca kegagalan KMT?
7. "Melompat Jauh Ke Hadapan (1958-61) adalah tidak lebih daripada ulangan percubaan lama China untuk membuktikan keagungan dan keupayaannya serta mengembalikan kedudukan istimewanya di kalangan masyarakat antarabangsa." Nilaiikan pandangan ini.
8. Mengapakah berlaku "Revolusi Budaya" 1960-an dan apakah pengertiannya dari sudut perkembangan sejarah China moden secara amnya?

-ooo000ooo-